



JAWAPAN PRAKTIS

SPM

BAB 1

KERTAS 1

Pilih jawapan yang paling tepat.

- Antara yang berikut, pernyataan yang manakah menerangkan ilmu ekonomi?
 - A** Sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terbatas
 - B** Sumber ekonomi yang tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang terhad
 - C** Sumber ekonomi terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terbatas
 - D** Sumber ekonomi yang tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad
- Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat.

Syarikat SPK merupakan sebuah syarikat yang mengeluarkan kasut kulit berjenama PinQ. Namun begitu, Syarikat SPK hanya dapat mengeluarkan beg tangan untuk wanita dan terpaksa menangguhkan pengeluaran kasut kulit.

Apakah masalah ekonomi yang perlu ditimbang oleh syarikat tersebut?

- A** Kekurangan
 - B** Kos lepas
 - C** Pilihan
 - D** Motif
- Antara yang berikut yang manakah **benar** tentang faktor pengeluaran yang mendapat ganjaran untung?
 - I Membenarkan orang lain menguruskan hutangnya
 - II Menangguhkan perbelanjaannya pada masa sekarang
 - III Kecekapan menyelaraskan faktor-faktor pengeluaran
 - IV Menggabung sumber ekonomi untuk memaksimumkan keuntungan
 - A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

- Jadual 1 menunjukkan kombinasi keluaran sesebuah firma.


Kombinasi (output)	Ayam (ekor)	Itik (ekor)
P	40	120
Q	60	80
R	80	40

Jadual 1

Jika firma mengubah kombinasi pengeluaran dari P ke R bagi pengeluaran ayam, berapakah kos lepasnya?

- A** 40 ekor ayam
- C** 120 ekor ayam
- B** 80 ekor itik
- D** 160 ekor itik

- Rajah 2 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah negara.



Rajah 2

Antara yang berikut, yang manakah menerangkan kombinasi titik B?

- A** Wujud masalah pilihan
- B** Ketidakmampuan dalam ekonomi
- C** Wujudnya masalah pengangguran
- D** Kombinasi pengeluaran yang tidak cekap

- Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

- Memaksimumkan keuntungan
- Meminimumkan kos pengeluaran

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan?

- A** Apa barang yang dikeluarkan
- B** Untuk siapa hendak dikeluarkan
- C** Bagaimana hendak dikeluarkan
- D** Berapa yang hendak dikeluarkan

7. Maklumat di bawah berkaitan dengan **negara X** dan **negara Y**.

Negara X	Negara Y
<ul style="list-style-type: none"> Motif adalah mencapai keuntungan maksimum. Persaingan bebas di kalangan pengeluar. 	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan barang awam. Pemilikan sumber oleh sektor swasta dan kerajaan.

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

	Sistem ekonomi negara X	Sistem ekonomi negara Y
A	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi perancangan pusat
B	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi pasaran bebas
C	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi perancangan pusat
D	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi campuran

8. Apakah tujuan kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi campuran?
- A** Mencapai guna tenaga penuh
B Mengawal sosiekonomi
C Mewujudkan monopolii pasaran
D Mengurangkan subsidi kepada pengeluar
9. Antara yang berikut, yang manakah persamaan ciri sistem ekonomi Islam dengan sistem ekonomi perancangan pusat?
- A** Wujud persaingan antara firma
B Menyediakan barang keperluan
C Sumber ekonomi dimiliki oleh kerajaan
D Harga ditentukan oleh mekanisme harga

Soalan 10 hingga Soalan 11 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

10. I Buruh mempunyai mobiliti geografi yang tinggi.
C
- II Kilang tidak mempunyai mobiliti geografi yang tinggi.
11. I Tujuan kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi campuran ialah mengurangkan kesan pencemaran udara.
A
- II Dalam sistem ekonomi campuran, masalah berapa yang hendak dikeluarkan diselesaikan melalui dasar harga.

Bahagian A

1. (a) Bagaimanakah firma menyelesaikan masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas untuk mengeluarkan kasut dan baju? Jelaskan.

- Firma menghadapi masalah kekurangan sumber ekonomi/ faktor-faktor pengeluaran / modal/ buruh [1m]
- Firma membuat pilihan [1m]
- Kasut / baju [1m]
- Supaya memaksimumkan keuntungan [1m]
- Kos lepas adalah output kedua yang terbaik terpaksa dilepaskan [1m]
- Jika firma mengeluarkan kasut kos lepas ialah baju / jika firma mengeluarkan baju kos lepas ialah kasut [1m]

[6 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi bagi sebuah syarikat.

Syarikat Tiara Jaya Sendirian Berhad merancang untuk mengeluarkan kain tuala dengan menggunakan intensif buruh asing dari Vietnam.

Terangkan masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh syarikat tersebut.

Berapa hendak dikeluarkan? [1m]

- bergantung kepada mekanisme harga/permintaan masyarakat [1m]

Untuk siapa dikeluarkan? [1m]

- golongan yang mempunyai kuasa beli/bergantung kepada agihan pendapatan [1m]


[4 markah]

(c) Jadual 1 menunjukkan kombinasi keluaran barang X dan Y oleh Syarikat Mekar Berhad.

Barang X (unit)	20	19	15	0
Barang Y (unit)	0	1	2	3

Jadual 1

Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk kemungkinan pengeluaran berdasarkan maklumat dalam jadual di atas.



[4 markah]

(d) Terangkan ciri-ciri sistem ekonomi kapitalis.

- Pemilikan sumber [1m]
- Individu/Firma bebas memiliki sumber [1m]
- Pembuat keputusan [1m]
- Keputusan ekonomi dibuat oleh pengguna/pengeluar/swasta [1m]
- Pilihan [1m]
- Pengguna/pengeluar bebas membuat pilihan [1m]
- Penentuan harga [1m]
- Ditentukan oleh mekanisme harga/ditentukan oleh permintaan dan penawaran [1m]
- Motif pengeluaran [1m]
- Memaksimumkan keuntungan semata-mata [1m]

[6 markah]

Bahagian B

2. Rajah di bawah menunjukkan dua buah negara yang berbeza.



Gambar A



Gambar B

- (a) Bandingkan **tiga** ciri sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua buah negara tersebut. [6 markah]
- (b) Jika anda seorang pengeluar yang rasional, negara manakah yang akan anda pilih untuk memulakan perniagaan? Jelaskan. [9 markah]
- (c) Bagaimanakah anda meningkatkan kebijakan masyarakat dan sosio-ekonomi bagi negara di Gambar A? Jelaskan. [5 markah]

Jawapan

- (a) Rajah 1: Korea Utara mengamalkan sistem ekonomi perancangan pusat [1m]
- Pemilikan sumber atau pemilikan faktor pengeluaran [1m]
 - Pihak kerajaan mempunyai kuasa mutlak untuk memiliki sumber pengeluaran [1m]
 - Pengguna dan pengeluar tidak mempunyai kuasa untuk memiliki faktor-faktor pengeluaran [1m]
- Penentuan kehendak [1m]
- Segala keputusan ekonomi berkaitan dengan masalah asas ekonomi akan diselesaikan oleh pihak kerajaan. [1m]
- Pembuat pilihan [1m]
- Pengguna tidak mempunyai kebebasan dalam membuat pilihan terhadap barang yang dibeli [1m] untuk memaksimumkan kepuasan manakala pengeluar tidak mempunyai kebebasan dalam membuat pilihan terhadap barang yang dikeluarkan untuk memaksimumkan keuntungan. [1m]
- Rajah 2: Arab Saudi mengamalkan sistem ekonomi Islam [1m]
- Pemilikan sumber atau pemilikan faktor pengeluaran [1m]
 - Pengguna dan pengeluar bebas memiliki sumber tetapi mengikut hukum syarak [1m]
 - Semua sumber ekonomi adalah hak milik mutlak Allah atau tuhan [1m]
- Penentuan kehendak [1m]
- Segala keputusan ekonomi mengikut hukum syarak [1m]
- Pembuat pilihan [1m]
- Pengguna dan pengeluar bebas memiliki sumber ekonomi tetapi mesti halal [1m]
- (b) Arab Saudi [1m]
- Pengguna dan pengeluar bebas memiliki sumber tetapi mengikut hukum syarak [1m]
 - Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan tetapi mengikut hukum syarak [1m]
 - Dapat barang yang halal [1m]
 - Memaksimumkan kebijakan masyarakat [1m]
 - Harga ditentukan melalui mekanisme harga [1m]
- ATAU
- Korea Utara [1m]
- Memaksimumkan kebijakan masyarakat [1m]
 - Menyediakan barang awam [1m] contohnya hospital kerajaan, klinik ibu dan kanak-kanak [1m]
 - Memberi subsidi [1m]
 - Menguatkuasa undang-undang [1m]
 - Harga ditentukan oleh pihak kerajaan [1m]
 - Merapatkan jurang pendapatan dalam kalangan masyarakat [1m]

- (c) – Menyediakan barang awam seperti hospital, klinik, balai polis dan sebagainya [1m]
– Menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat [1m]
– Memberi subsidi kepada pengeluar [1m]
– Mengurangkan cukai sama ada cukai langsung atau cukai tak langsung [1m]
– Meningkatkan kemudahan infrastruktur [1m]
– Merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dengan miskin [1m]